

PELANGGARAN RINGAN

(Amaran Lisan)

21

- TIDAK MENGGUNAKAN POLA LANGKAH, SEMASA BERJARAK DENGAN LAWAN
- BERLARI SEMASA SERANG & BELA
- KELUAR GELANGGANG DENGAN SENGAJA (Dua kaki keluar gelanggang)
- BERJALAN DALAM GELANGGANG
- MELOMPAT SEMASA BERTANDING
- TIADA SIKAP PASANG
- GENGAM KEDUA-DUA TANGAN
- DUA TANGAN DI BAWAH PARAS PINGGANG
- KERAP MENARIK SELUAR SENDIRI
- SIKAP PASIF LEBIH DARI 10 SAAT.

PELANGGARAN BERAT

22

- SERANGAN TERUS KE BAHAGIAN LEHER KE ATAS DAN KEMALUAN
- SERANGAN KE PEHA DAN PUNGGUNG TANPA DISUSULI SERANGAN SAH
- SERANGAN CUBAAN MEMATAHKAN SENDI (lutut)
- SERANG DENGAN KEPALA
- SERANG SEBELUM ABA-ABA “MULA” DAN SELEPAS ABA-ABA “HENTI”, DAN MENYEBABKAN LAWAN CEDERA
- MENARIK RAMBUT ATAU TUDUNG LAWAN
- JATUHAN HEMPAS (Pile-driving 12-6)
- JATUHAN HEMPAS (Suplex) MENCAMPAK LAWAN KE BELAKANG



TEKNIK TIDAK DIBENARKAN

47

Illegal Hand Attack:



TEKNIK TIDAK DIBENARKAN

48

Illegal Leg Attack:



Pile Driving (12 to 6):



Illegal Counter Attack:



AMARAN & HUKUMAN

23

- **AMARAN LISAN** - (1) Dikenakan apabila berlaku pelanggaran ringan (2) Tiada tolak nilai mata (3) Amaran lisan sebanyak 2 (dua) kali.
- **TEGURAN** - (1) Dikenakan apabila atlit melakukan pelanggaran ringan kali ketiga dalam pusingan yang sama (2) Apabila atlit melakukan pelanggaran berat tanpa menyebabkan kecederaan serius pada lawan (3) Teguran akan dimulakan semula (*reset*) dalam pusingan seterusnya.
- **PERINGATAN** - (1) Dikenakan bila atlit melakukan kesalahan selepas mendapat hukuman Teguran II dalam pusingan yang sama (2) Apabila atlit melakukan pelanggaran berat menyebabkan kecederaan lawan (3) Peringatan akan dibawa ke pusingan seterusnya dalam perlawanan.

DISKUALIFIKASI

24

- Dikenakan bila atlit melakukan kesalahan selepas menerima Peringatan II dalam pusingan yang sama.
- Atlit muntah dalam gelanggang kerana serangan sah lawan semasa perlawanan. Jika atlit muntah semasa waktu rehat dan di dalam bekas disediakan jurulatih, ianya diterima.
- Atlit yang mengamuk serta meninggalkan gelanggang dan merosakkan peralatan di arena.
- Gagal semasa timbang.
- Gagal ujian *doping*.
- Gagal menunjukkan ujian pemeriksaan kesihatan (*Medical Check-up*)

KECEDERAAN

25

- Jika berlaku kecederaan, Wasit akan segera panggil Doktor, untuk memeriksa dan merawat atlit yang cedera.
- Masa rawatan diberikan adalah 3 (tiga) minit, jika tempuh waktu 3 minit telah tamat, pasukan perubatan terbabit akan membuat keputusan segera sama ada atlit tersebut diisytihar tidak cergas (*unfit*) untuk teruskan perlawanan.
- Jika atlit cedera dibahagian kemaluan, waktu 5 (lima) minit diberikan untuk proses pemulihan atlit.
- Jika berlaku pendarahan terbuka (*Open cut*), team perubatan perlu hentikan pendarahan. Jika berjaya, *Vaseline* digunakan untuk menutup luka tersebut bagi meneruskan perlawanan.
- Team perubatan tidak dibenarkan menutup luka dengan *bandage* kerana ia akan mengganggu kelancaran perlawanan.
- Team perubatan boleh merawat atlit yang cedera setelah tamat perlawanan.

TEKNIK SERANG BELA YANG SALAH

26

- Apabila berlaku serangan serentak, seorang atau kedua-dua atlit tumbang, keadaan itu akan dinilai seperti berikut :-
- (1) Jika salah seorang tidak dapat berdiri, Wasit segera membuat hitungan teknik.
- (2) Jika kedua-dua atlit tidak berdiri, Wasit segera membuat hitungan teknik untuk kedua-duanya,
- (3) Jika kedua-dua atlit tidak berdiri sehingga hitungan ke-10, pemenang diberi kepada atlit yang mempunyai nilai mata tertinggi
- (4) Jika tiada nilai mata, kedua-dua atlit akan menjalani pemeriksaan timbang. Atlit lebih ringan diberikan kemenangan.

PROTES



- Protes Jurulatih - berlaku semasa perlawanan, protes terhadap keputusan Wasit dan memohon untuk melihat VAR
- Jurulatih hendaklah berdiri di dalam Kotak Jurulatih disediakan sambil angkat kad protes dengan tangan kanan
- Dewan WJ akan pergi kepada jurulatih untuk mendengar bantahan. Jurulatih hendaklah menyatakan dengan jelas permasalahan dan Dewan WJ akan mencatatkan masalah tersebut. Seterusnya Dewan WJ akan mengajukan protes tersebut kepada Ketua Pertandingan.
- Ketua Pertandingan akan mengumumkan protes tersebut, dan Komissioner Protes akan memeriksa ulang tayang video perlawanan.
- Komissioner Protes akan mengumumkan keputusan dengan mengangkat kad keputusan sah atau tidak. Keputusan Komissioner adalah muktamad.
- Kad protes tidak dikembalikan kepada jurulatih.

PROTES PENGURUS

28

- Protes Pengurus hanya boleh dilakukan oleh Pengurus Pasukan sahaja.
- Jurulatih boleh mendapatkan borang protes dalam tempuh masa 10 minit selepas perlawanan di meja Ketua Pertandingan.
- Borang protes akan diberikan dan ditulis serta diserahkan kembali kepada Penganjur Kejohanan dalam tempuh masa 20 minit selepas menerima borang. Borang yang telah ditulis hendaklah ditandatangani dan diserahkan bersama wang tunai USD300.00 kepada Penganjur Kejohanan.
- Penganjur Kejohanan akan menyerahkan borang protes siap ditulis itu kepada Teknikal Delegate yang mempunyai masa selama 2 jam untuk membuat keputusan.
- Jawatankuasa Protes Tahap Pertama ini dianggotai oleh Teknikal Delegate, Pengerusi Teknikal dan Ketua Pertandingan.

RAYUAN PROTES

29

- Jika Pengurus pasukan mahu membuat rayuan, mereka hendaklah mendapatkan borang rayuan dalam masa 20 minit selepas keputusan protes, dengan bayaran USD200.00.
- Jawatankuasa Protes Tahap Kedua ini terdiri daripada Komisioner Protes, Pasukan Perubatan dan seorang Ahli Lembaga Esekutif PERSILAT. Ahli lembaga ini hendaklah datang dari negara berbeza dari negara yang terlibat dalam protes ini.
- Jawatankuasa ini mempunyai masa selama 3 jam untuk membuat keputusan. Keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad.